

CNS2392

U GB 22-3.0 00143 BH003

aab

PM TTDK TOLAK KEBAKARAN LAPANGAN TERBANG PERBUATAN KHIANAT

Mahathir - Kebakaran

ALOR SETAR, 22 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tidak menolak kemungkinan kebakaran di menara kawalan lalulintas udara Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang baru-baru ini berpunca daripada perbuatan khianat.

Katanya, ini berdasarkan kepada keadaan tempat itu yang tidak menunjukkan tanda-tanda berlakunya litar pintas elektrik.

Ketika bercakap dengan pemberita selepas merasmikan Konvensyen UMNO Kedah 1992 di Dewan Datuk Syed Omar, di sini, hari ini, beliau berkata: +Kita tidak boleh menolak kemungkinan perbuatan khianat.+

Bagaimanapun, Perdana Menteri berkata beliau belum mendapat maklumat lengkap mengenai punca kebakaran itu kerana pihak polis masih menyiasat.

+Kita belum dapat menentukan apakah punca kebakaran itu. Bagaimanapun, kita dapati bahawa tempat kebakaran itu bermula tidak seperti yang ada kebakaran, + katanya. -- Lagi

▼22/10/20-10MST

CNS2395

R GB 22-10 00149 BH004

a a b

Mahathir - Kebakaran 2 Alor Setar

Ditanya mengenai kemungkinan kurang kawalan keselamatan di lapangan terbang itu, beliau berkata, kebakaran itu sepatutnya menjadi pengajaran agar semua pihak tidak memaridang ringan berhubung soal keselamatan.

Mengenai kenyataan Ketua Pengarah Jabatan Penerbangan Awam yang meminta maaf kepada kerajaan dan rakyat dan kesanggupannya ditukarkan berikutan kebakaran itu, Dr Mahathir berkata: +Yang itu bukan dia tentukan. Kalau dia melakukan kesalahan, lainlah. Kalau tak bersalah apa sebab nak ditukar.+ Bagaimanapun, beliau berkata: +Tapi kalau ada apa-apa rancangan kerajaan, jangan dikait-kaitkan dengan perkara ini.+

Ketika ditanya mengenai pertambahan Ketua UMNO Bahagian berikutan pertambahan kawasan pilihan raya, Perdana Menteri berharap tidak berlaku perebutan secara tidak baik.

+Kalau hendak bertanding boleh bertanding dengan cara yang sihat kerana UMNO ialah sebuah parti yang demokratik tetapi demokrasi boleh membawa kepada kebinasaan kalau tak betul gunakan demokrasi, + ujarnya. -- Lagi

▼22/10/20-13MST

CNS2398

R GB 22-1.0 00102 BH005

aab

Mahathir - Kebakaran 3 (Akhir) Alor Setar

Mengenai rombakan dalam sidang pengarang Kumpulan Utusan Melayu, Dr Mahathir berkata, itu adalah keputusan Pengerusi Eksekutif Utusan Melayu, Datuk Khalid Abdullah.

Perdana Menteri, bagaimanapun, berkata, beliau berasa amat kecewa +apabila saya dituduh membohong oleh Utusan Melayu+.

Katanya, sekiranya kenyataannya disyaki tidak betul, Utusan sepatutnya menyelidik dahulu untuk menentukan betul atau tidak kenyataan itu.

+Saya berasa tersinggunglah kerana orang tak percaya sampai macam itu. Takkan saya nak cakap bohong berkenaan sesuatu perkara yang begitu mudah sekali ditentukan sama ada betul atau tidaknya, + katanya. -- Bernama

▼22/10/20-15MST